



سيارن اخبار  
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.  
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**30 Syawal 1441 / 22 Jun 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Isnin, 30 Syawal 1441H bersamaan 22 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, pada ketika ini semua kontek kes yang telah menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 telahpun menamatkan tempoh kurantin di mana jumlah keseluruhannya ialah seramai **2,823 orang.**

3. Manakala, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **103 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **26,571 ujian**. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan juga ingin mengongsikan statistik pemantauan surveilan yang telah dijalankan pada minggu ke enam *de-escalation* daripada **15 hingga 21 Jun 2020 iaitu** sebanyak 530 sampel yang mana keputusan ujian adalah negatif setakat ini. Manakala, jumlah ujian saringan tambahan (*expanded surveillance*) sejak dari 01 Jun hingga 21 Jun 2020 adalah sebanyak 2,384 sampel yang mana sejumlah 1,756 daripadanya adalah dikalangan kakitangan pusat-pusat penjagaan kanak (*preschool and childcare centre staff*). Saringan tambahan (*expanded surveillance*) ini akan dlaratkan lagi diperingkat sekolah rendah yang mana ianya akan dibuat secara rambang iaitu sebanyak 10% daripada jumlah guru-guru akan dipilih untuk menjalani ujian swab bagi SARS-CoV-2.

4. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan kepada orang ramai untuk membawa dan menggunakan tikar

sembahyang sendiri serta memakai serukup muka apabila menggunakan kemudahan surau di tempat-tempat awam seperti di pusat-pusat membeli belah, gedung perniagaan dan lain-lain. Pemilik-pemilik premis hendaklah juga memastikan orang ramai untuk menggunakan tikar sembahyang sendiri serta serukup muka apabila menggunakan surau atau bilik sembahyang di premis masing-masing.

5. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **396,773 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,257** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah **5,576** telah dimuat turun oleh **4,152 premis perniagaan**.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 30 Syawal 1441H / 22 Jun 2020